

MAHATHIR-JAMUAN

1981

KUALA LUMPUR 26 OGOS (BERNAMA) -- DATUK SERI DR.MAHATHIR MOHAMAD MALAM INI MEMBERI JAMINAN PUCUK PIMPINAN BARU NEGARA AKAN TERUS MENGEKALKAN DASAR-DASAR YANG TELAH DIASASKAN OLEH PARA PEMIMPIN YANG LALU.

PERDANA MENTERI BERKATA WALAUPUN PUCUK PIMPINAN TELAH BERTUKAR, NAMUN DASAR-DASAR YANG SEDIA ADA TIDAK AKAN DITUKAR SECARA RADIKAL DEMI MENGEKALKAN KESELAMATAN DAN IKLIM PELABURAN YANG BAIK DI NEGARA INI.

BERUCAP DI MAJLIS JAMUAN MAKAN MALAM ANJURAN MCA BAGI MERAIKAN BELIAU, DATUK SERI DR.MAHATHIR JUGA MENYERU PARTI-PARTI POLITIK SUPAYA MENGURANGKAN PERHATIAN TERHADAP POLITIK PERKAUMAN DAN SEBALIKNYA MEMBERIKAN TUMPUAN YANG LEBIH KEPADA PEMBANGUNAN NEGARA.

BELIAU MENEGASKAN KERJASAMA ERAT YANG WUJUD SEKARANG ANTARA PARTI-PARTI KOMPONEN BARISAN NASIONAL HENDAKLAH DIKALKAN BAGI MEMPERTAHKAN KEJAYAAN PEMBANGUNAN NEGARA,

KERJASAMA ITU HENDAKLAH DIPERTAHAN DAN DITINGKATKAN KERANA IA MERUPAKAN PUNCA KESTABILAN POLITIK DAN KEKUATAN NEGARA, TAMBAHNYA.

--BERSAMBUNG 2336/AN

B630

MAHATHIR-JAMUAN 2 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENEGASKAN RAKYAT SEHARUSNYA BERBANGGA KERANA KEADAAN NEGARA YANG AMAN DAN MAJU WALAUPUN MASYARAKATNYA MAJUMUK.

BELIAU MEMBERI JAMINAN KERAJAAN AKAN TERUS BERUSAHA MENCAPAI PEMBANGUNAN NEGARA YANG LEBIH PESAT WALAUPUN EKONOMI DUNIA SEKARANG MENGALAMI KEMEROSOTAN.

SELAIN ITU, KERAJAAN JUGA AKAN BERUSAHA MEMASTIKAN PENTADBIRAN KERAJAAN BERJALAN LICIN DAN CEKAP DEMI KEMASUAN NEGARA DAN RAKYAT.

*OBJEKTIF-OBJEKTIF INI TIDAK AKAN TERCAPAI JIKA TIDAK WUJUD KERJASAMA DI KALANGAN AHLI-AHLI POLITIK, KAKITANGAN KERAJAAN DAN ORANG-ORANG MASYARAKAT.

—BERSAMBUNG 2338/AN

B631

MAHATHIR-JAMUAN 3 KUALA LUMPUR

SEBELUM ITU PRESIDEN MCA, DATUK LEE SAN CHOON BERKATA MCA MENYOKONG HASRAT KERAJAAN PIMPINAN DATUK SERI DR. MAHATHIR UNTUK MENJADIKAN PENTADBIRAN NEGARA LICIN, CEKAP DAN BERSIH.

BELIAU BERHARAP PERKHIDMATAN AWAM, PARTI-FARTI KOMPONEN BARISAN NASIONAL YANG LAIN DAN RAKYAT AKAN BEKERJASAMA UNTUK MENENTUKAN KEJAYAAN HASRAT TERSEBUT.

KATANYA SEMUA PIHAK MESTI BERTEKAD UNTUK BEKERJA DENGAN SEPENUH TENAGA BAGI MENCAPAI MATLAMAT ITU DENGAN MENGIKUTKAN PERSEFHAMAN DAN KEHARMONIAN.

DATUK LEE MENEGASKAN PERDANA MENTERI TELAH MENUNJUKKAN SIKAP ADIL DALAM MENGURUSKAN HAL EHWAL NEGARA DAN JUGA TERHADAP MASYARAKAT BERBILANG KAUM.

BELIAU YAKIN DATUK SERI DR. MAHATHIR DENGAN BANTUAN TIMBALANNYA AKAN DAPAT MEMAJU NEGARA MENCAPAI KE PUNCAK YANG LEBIH TINGGI DEMI KESEJAHTERAAN RAKYAT.

—BERNAMA 2341/AN